

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

20. Memandangkan aduan penduduk, adakah Kerajaan Negeri akan menghentikan pengeluaran dan atau pembaharuan permit operasi kuari di Bukit Juru, untuk melindungi suasana alam sekitar dan keindahan persekitaran kampung yang berhampiran?.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

20. Setiap aduan yang diterima oleh penduduk akan dikaji secara terperinci terlebih dahulu. Kerajaan Negeri tidak boleh terus menghentikan sesuatu pengeluaran atau pembaharuan permit operasi sesebuah kuari tanpa alasan yang kukuh. Sebagai contoh, sekiranya aduan diterima berkaitan dengan batu letupan yang terbang hingga merosakkan kediaman penduduk, jabatan teknikal yang bersesuaian akan dirujuk dan diminta untuk menasihati selepas siasatan terperinci dilakukan. Bagi kes ini, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan diminta untuk mengkaji kekuatan dan kadar letupan yang dilakukan oleh kuari tersebut supaya dapat dikurangkan mengikut kesesuaian dan keselamatan. Kemungkinan juga wakil daripada JMG, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil penduduk perlu hadir setiap kali letupan dilaksanakan. Seterusnya, sekiranya berlaku pencemaran kepada alam sekitar seperti sungai berhampiran akibat hampas kuari, Jabatan Alam Sekitar (JAS) pula akan diminta untuk menilai dan menasihati pengusaha kuari berkaitan kaedah yang tepat bagi pengurusan hampas kuari.

Sekiranya selepas semua tindakan dan nasihat ini dilakukan masih berlaku pencemaran ataupun arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada pengusaha kuari tidak dipatuhi, tindakan menghentikan pengeluaran atau pembaharuan permit 4C akan

disyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah mendapat ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JMG, JAS, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).